

Penempatan haram pendatang asing **Wakil** rakyat diminta beri maklumat

Laporan Jamhariah Jaafar, Wan Hazmir Bakar, Munaarfah Abu Bakar

BH 22 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Isnin—Kerajaan memandang serius dan tidak akan bertolak ansur dalam menangani isu penempatan setinggan di kalangan pendatang asing, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia.

Sehubungan itu, beliau meminta wakil rakyat memberi maklumat mengenai kehadiran pendatang asing bagi membolehkan tindakan tegas diambil.

“Kita akan pastikan mereka tidak akan selesai,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini hanya tujuh peratus daripada 130,000 rumah setinggan dalam kawasan Dewan Banda-

raya Kuala Lumpur (DBKL) didiami pendatang asing.

Beliau berkata, laporan bahawa kebanyakan kawasan setinggan di bandar raya ini dikuasai pendatang asing hanya satu persepsi saja.

Semalam, *Berita Minggu* melaporkan sekurang-kurangnya 13 kawasan di sekitar ibu kota dan Selangor dikenal pasti menjadi penempatan utama setinggan pendatang Indonesia dan Kemboja.

Tinjauan rambang pihak berkuasa tempatan termasuk DBKL mendapati pendatang asing Indonesia menguasai lima kawasan setinggan di bandar raya iaitu

Lembah Pantai, Sungai Penca-la, Datuk Keramat, Wangsa Maju dan Ampang sejak akhir tahun 80-an.

Pendatang asing lain seperti Bangladesh, Myanmar, Kemboja dan Pakistan adalah minoriti di kebanyakan kawasan setinggan di bandar raya.

Minggu lalu, kira-kira 6,000 pendatang asing pula dikatakan mencerooboh tanah rizab kerajaan dan kebun getah di Kampung Limau Manis, Sepang. Jumlah itu dipercayai melebihi enam kali ganda penduduk kampung berkenaan seramai 1,000 orang.

Ketika ditemui di lobi Par-

limen, hari ini, Pandikar Amin berkata pendatang asing kini tinggal di kawasan setinggan yang bertaburan di sekitar Lembah Klang.

Beliau berkata, kawasan di Titiwangsa mempunyai jumlah setinggan tertinggi dengan 1,716 unit, manakala Cheras mencatat jumlah terendah iaitu 218 unit.

Katanya, antara daerah yang menjadi tumpuan utama pendatang asing ialah kawasan tanah persendirian dan tanah kerajaan di sekitar Hulu Klang dan Taman Rimba Ampang.

Terdahulu, ketika menjawab soalan Datuk Zulhasnan

Rafique (BN-Wangsa Maju) di sidang Dewan Rakyat, Pandikar Amin berkata kerajaan melalui DBKL membuat perancangan penempatan semua setinggan ke Program Perumahan Awam bagi mencapai matlamat ‘setinggan sifar’ menjelang 2005.

“Jumlah setinggan sudah berkurangan daripada 195,000 pada 1992 kepada 130,000 tahun lalu dan matlamat untuk mempunyai setinggan sifar menjelang 2005 akan tercapai sekiranya tidak ada sebarang halangan,” katanya.